

28 OCT 2003

Nik Aziz-PM

NIK AZIZ UCAP TERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR BANTU KELANTAN

KOTA BAHARU, 28 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Jumaat ini, di atas keterbukaan pimpinannya terhadap Kelantan yang diterajui parti pembangkang.

"Di dewan yang mulia ini juga, sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang Inshaallah akan bersara mulai 31 Okt 2003 ini, di atas keterbukaan pimpinannya terhadap negeri Kelantan yang diterajui parti pembangkang (PAS)," katanya.

Nik Aziz berkata demikian ketika membentangkan Belanjawan 2004 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan yang masuk hari ketiga di sini, hari ini.

Beliau juga berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana telah membantu Kelantan dalam menyelesaikan sebahagian besar daripada masalah bekalan air dan beberapa projek lain.

Ucapan Nik Aziz itu mendapat sokongan semua anggota dewan.

Ketika ditemui pemberita selepas persidangan dewan, Nik Aziz mengakui Dr Mahathir seorang pemimpin yang kuat bekerja "siang malam, tanpa rehat".

"Sifat-sifat seperti ini perlu ada kepada seorang pemimpin, perkara ini kerap kali saya sebut, beliau (Dr Mahathir) bijak dalam kerja," katanya.

Nik Aziz berkata beliau akan menghadiri majlis penyerahan jawatan Dr Mahathir kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Walaupun jadual saya sibuk sekali pun, saya tetap hadir (pada upacara penyerahan tugas itu)," kata Nik Aziz.

Beliau berkata inilah kali pertama dalam sejarah Dewan Undangan Negeri Kelantan memberi penghargaan kepada Perdana Menteri yang akan bersara.

-- BERNAMA

WM BD RHM